


# *Tangga* BATU RUMAH MELAKA

INISIATIF  
BELANJAWAN 2023



ABD. RASID ISMAIL  
MUHAMMAD HAKIMI TEW ABDULLAH

© Penerbit UiTM, UiTM 2023

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
E-mel: penerbit@uitm.edu.my

Penerbit UiTM adalah anggota  
**MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

978-967-363-920-5

Pereka Kulit Buku : Arif Zulhimi Mohd Zin  
Pereka Letak : Siti Maheran Mohd Faudzi

Dicetak di Malaysia oleh : Pusat Percetakan UiTM  
Kolej Pengajian Seni Kreatif  
Universiti Teknologi MARA  
40450, Shah Alam  
Selangor

# Kandungan

*Prakata*

vi

**Bab 1**

1

Pengenalan

**Bab 2**

5

Tangga Batu Melaka Sepintas Lalu

**Bab 3**

11

Seni Tradisi Melaka

**Bab 4**

25

Sejarah Seni Reka Bentuk Tangga

**Bab 5**

35

Peranan Tukang dan Pereka Bentuk

**Bab 6**

53

Warna, Ton dan Cahaya

**Bab 7**

73

Elemen Asas dalam Seni Reka

**Bab 8**

79

Nilai Estika dalam Rekaan

**Bab 9**

87

Motif dan Corak Tangga Batu Rumah Melaka

**Bab 10**

99

Seni Tradisi Melaka

*Bibliografi*

105

*Glosari*

109

*Indeks*

113

Buku ini dihasilkan dalam usaha untuk mengekalkan warisan yang mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi buat generasi akan datang. Hal ini disebabkan terdapatnya penggunaan flora yang telah diadaptasi daripada alam semula jadi. Alam semula jadi merupakan sumber pencetus idea untuk melahirkan reka corak jubin tangga batu rumah Melaka.

Selain itu, penerbitan buku ini juga bakal menerangkan tentang asal usul serta nilai-nilai yang terdapat dalam rekaan di samping menerangkan peringkat kehidupan dalam masyarakat Melayu. Nilai-nilai estetika yang wujud dan memberi maksud-maksud tertentu dalam kehidupan masyarakat Melayu Melaka. Bagi menjaga warisan khazanah negara, kerajaan negeri Melaka melalui Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) telah mengambil langkah untuk menjaga dan mengekalkan nilai keaslian yang terdapat pada rekaan seramik tangga.

Sebagai sarjana, adalah menjadi tanggungjawab kami untuk berkongsi hasil penulisan berkenaan keunikan tangga-tangga batu yang terdapat pada rumah tradisional Melaka buat tatapan umum semua pihak. Kami berharap agar penerbitan buku ini bakal memberi sedikit sumbangan ke arah peningkatan ilmu berkenaan warisan Melayu Melaka. Akhir sekali, kami ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penghasilan buku ini. Tidak lupa juga buat Penerbit UiTM yang banyak membantu dalam penerbitan buku ini.

**Abd Rasid Ismail**  
**Muhammad Hakimi Tew Abdullah**





## MALAYSIA

sedang menuju ke arah sebuah negara maju di dunia. Kesenian dan kebudayaan telah menjadi aset negara yang harus dijaga supaya ia tidak luput ditelan zaman. Buku ini akan membicarakan tentang keistimewaan rumah tradisional negeri Melaka menerusi tangga batu yang diperbuat daripada batu marmar lama dan seramik yang kini sudah hilang ditelan zaman. Bagi orang Melaka, tangga diibaratkan lagu dengan irama, jika dipisahkan salah satu daripadanya, maka akan rosaklah segalanya. Oleh itu, tangga telah dijadikan salah satu simbol identiti rakyat Melaka. Ada antara mereka sanggup membiarkan rumah usang dimamah zaman, namun tangga tetap dipelihara. Sudah menjadi lumrah penghuni rumah Melaka yang lebih mementingkan tangga batu yang cantik daripada teratak teduhan mereka. Sejarah asal-usul tangga, warna, bentuk, motif, maksud di sebalik motif serta elemen-elemen seni reka dan nilai-nilai estetika yang perlu diambil perhatian akan diselitkan dalam kandungan buku ini. Buku ini ditulis atas dasar dorongan serta kesedaran diri di mana sudah tiba masanya untuk membuka pemikiran dan persepsi masyarakat agar lebih bersifat prihatin terhadap tinggalan sejarah di Malaysia.

**ABD. RASID ISMAIL** dilahirkan pada 7hb Ogos 1963 di Sabak Bernam, Selangor. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Harun, Tanjung Karang. Memulakan pengajian tinggi di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor dalam bidang Seni Reka Perindustrian. Menyambung pengajian dalam bidang Art Teachers Diploma di UiTM pada tahun 1989 dan berkerjaya sebagai pendidik selama dua belas tahun. Selepas itu telah menyambung pengajian sarjana di UiTM / De Monfort University UK dalam bidang pendidikan. Pada tahun 2005, menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dalam bidang Pengurusan Persembahan Seni, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dr. Abd. Rasid telah memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Jabatan Seni Visual pada tahun 2001 sehinggalah sekarang. Kepakaran beliau adalah dalam bidang reka bentuk motif-motif fabrik dan telah membuat pembentangan kertas kerja berkaitan dengan rekabentuk motif-motif fabrik tempatan di serata tempat sama ada dalam luar negara.

**MUHAMMAD HAKIMI TEW ABDULLAH** merupakan pensyarah kanan di Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Munshi Abdullah, Melaka. Memulakan pengajian dalam bidang penyiaran di Malaysia Institute of Integrative Media (MIIM) atau terdahulunya lebih dikenali sebagai Akademi TV3. Seterusnya, telah mendapatkan pendidikan tinggi di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia bagi peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana. Beliau telah dikurniakan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Komunikasi di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini beliau aktif dalam penulisan buku mengenai isu Rohingya, komunikasi politik, media baharu dan teknologi dan banyak lagi. Kepakaran beliau adalah dalam bidang media baharu dan komunikasi.